

# MyAgrosis sasar keahlian 40 ribu hujung 2016

OLEH ROZZALIN HASHIM (rozzi@newsabahtimes.com.my)

**SANDAKAN:** Kelab Usahawan Graduate Pertanian atau MyAgrosis mensasarkan keahlian sejumlah 40 ribu pada hujung tahun 2016 bagi menggalakkan anak-anak muda di seluruh negara terutama di peringkat universiti menceburi bidang pertanian.

Pengerusi FAMA Malaysia, Tan Sri Paduka Haji Badruddin Amiruldin berkenan berkata usaha ini penting memandangkan pertanian adalah satu bidang yang mampu meningkatkan daya saing negara apabila peluang semakin terbuka luas.

Beliau mahu pelajar-pelajar universiti khususnya yang mengambil jurusan berkaitan agar memanfaatkan peluang sedia ada kerana kerajaan ingin melahirkan mereka sebagai usahawan tani moden yang dapat membantu negara membangun pesat pada masa hadapan.

“Sejak penubuhan Kelab MyAgrosis oleh YAB Perdana Menteri kita ... usaha-usaha terus dipergiat bagi membawa anak-anak di peringkat universiti yang berminat dalam sektor pertanian ini.

“Bidang yang berasaskan pertanian ini semakin penting sekarang dan bermakna apabila lepasan universiti tamat pengajian sudah pasti peluang terbuka luas. Dianggarkan RM37 bilion pasaran pertanian pada ketika ini.

“Oleh sebab itu, kita tubuh Kelab MyAgrosis supaya dapat membantu dan

menyokong dasar negara untuk melahirkan usahawan siswazah moden sejajar dengan hasrat kerajaan.

“Untuk memberi suntikan semangat kepada para siswazah itu .... kelab berkenaan akan memperluaskan keahlian di peringkat vokasional dan maktab-maktab bagi menggalakkan lebih ramai menceburi bidang pertanian nanti.

“Jadi yang penting anak-anak yang masih menuntut di mana-mana universiti dalam jurusan ini tekunlah belajar sebelum berjinak-jinak ke sektor pertanian moden yang peluangnya semakin terbuka luas,” jelasnya.

Badruddin berkata demikian ketika berucap merasmikan MyAgrosis K-Shoppe di Fakulti Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampung Sabah, dekat sini, petang kelmarin.

Hadir sama Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi; Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dan Dekan Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampung Sandakan, Prof. Dr. Wan Mohamad Wan Othman serta tetamu-tetamu jemputan khas yang lain.

Mengulas lanjut, beliau berkata untuk memastikan usahawan yang berjaya di masa akan datang maka pihak FAMA telah diberikan peruntukan khas bagi membolehkan ahli-ahli MyAgrosis mendapat peluang perniagaan berdasarkan pertanian.

Katanya, peluang perniagaan tanpa

penjamin dan faedah ini bagi memastikan generasi usahawan kita dapat pergi jauh sekali gus berupaya meningkatkan produktiviti apabila menceburi pertanian sebaik keluar dari universiti.

“Usaha murni ini adalah bagi meningkatkan daya saing negara dalam persaingan pertanian yang lebih berkualiti tinggi nanti,” ujarnya.

Terdahulu, Harun dalam ucapannya memberitahu sejak penubuhan fakulti berkenaan pada tahun 2006 pihak universiti ini telah meletakkan bidang pertanian sebagai salah satu fokus penyelesaian dan bidang keutamaan universiti.

UMS katanya, percaya bahawa aktiviti pertanian perlu diperkuatkkan dan dibangunkan demi memastikan jaminan makanan negara berada pada tahap yang selamat.

“Justeru itu .... melalui usaha yang berterusan ini UMS semakin dikenali di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah pengiktirafan UMS sebagai universiti peneraju bagi Pusat Kecemerlangan Industri atau ICeI bagi Kluster Pertanian pada tahun 2015.

“Pada tahun ini UMS telah disenaraikan dalam QS Ranking bagi subjek ‘agriculture and forestry’ pada tangga ke 150-200 dunia. Di peringkat kebangsaan, UMS berada di tempat kedua selepas Universiti Putra Malaysia bagi bidang pertanian,” ujarnya.